


IRSYAD HUKUM (PANDUAN HUKUM) BIL. 25
HUKUM PENGHASILAN PRODUK MINYAK IKAN (CRUDE FISH OIL)
DARIPADA SISA IKAN MENTAH

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak yang bersidang pada tarikh 25 Zulhijjah 1442H bersamaan 4 Ogos 2021M telah memperaku untuk menerima pakai keputusan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) Kali Ke-117 sebagai Irsyad Hukum (panduan Hukum) mengenai Hukum Penghasilan Produk Minyak Ikan (Crude Fish Oil) daripada Sisa Ikan Mentah. Jawatankuasa telah memutuskan bahawa Penghasilan crude fish oil daripada sisa ikan mentah adalah **diharuskan dengan syarat** penggunaan crude fish oil tersebut perlu melalui proses penyulingan dan penyucian yang bersesuaian dan selamat untuk kegunaan manusia sebelum digunakan untuk penyediaan makanan.

Tarikh : 29 Julai 2022
No. fail : MN.Pk.A351.IST/05/9 JLD. 9

Saya yang menjalankan amanah


(Dato' Haji Zamri bin Hashim)
Timbalan Mufti Negeri Perak